

0000

U B646 BAH  
MAHATHIR-BERJASA

KUALA LUMPUR, 8 JUN (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN) MENERIMA PENARIKAN DIRI BERJASA DAN MENYIFATKAN LANGKAH ITU SEBAGAI MEMUDAHKAN TINDAKAN BN DARIPADA PERLU MEMECATNYA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PENARIKAN ITU TIDAK MEMBERI KESAN KEPADA BN KERANA PARTI ITU SUDAH LAMA TIDAK MENYOKONG BN.

SEMASA PILIHAN RAYA UMUM 1986, BERJASA MEMUTUSKAN UNTUK TIDAK BERTANDING, SEBALIKNYA ANGGOTA-ANGGOTANYA MENYOKONG PAS, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN DI SINI.

+BARISAN NASIONAL MENERIMA BAIK LANGKAH PENARIKAN DIRI BERJASA KERANA KALAU MEREKA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN, KITA TERPAKSA MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MENGELUARKAN MEREKA DARIPADA BN.

+WALAUPUN MEREKA TIDAK ADA DENGAN BN, PRESTASI KITA (DALAM PILIHAN RAYA UMUM 1986) TIDAK BERUBAH DAN SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH LAH KEPADA BERJASA KERANA LANGKAH INI MEMUDAHKAN TINDAKAN KITA,+ KATANYA. -- LAGI

1912MST 08 06 89

D896

U B650 BAH  
MAHATHIR-BERJASA 2 KUALA LUMPUR

BERJASA MENGUMUMKAN KEPUTUSAN KELUAR DARIPADA BN PADA 25 MEI DAN AKAN MENYERTAI KUMPULAN SERPIHAN DAN PAS DALAM PEMBENTUKAN APA YANG DIPANGGIL ANGKATAN PERPADUAN UMMAH.

MENGENAI CALON BN BAGI PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN TELUK PASU, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIPUTUSKAN OLEH BN, SEBALIKNYA BELIAU SENDIRI YANG AKAN MENENTUKANNYA.

+CALON BN TELUK PASU BUKAN DIPUTUSKAN DALAM MAJLIS BN TETAPI AKAN DITENTUKAN OLEH SAYA SENDIRI,+ TEGASNYA

PENAMAAN CALON BAGI PILIHAN RAYA KECIL ITU AKAN DIADAKAN SABTU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA MESYUARAT HARI INI TIDAK MEMBINCANGKAN LANGSUNG MENGENAI ROMBAKAN KABINET ATAU PILIHAN RAYA UMUM. -- LAGI

1929MST 08 06 89

D898

U B652 BAH  
MAHATHIR-BERJASA 3 KUALA LUMPUR

BAGIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN TIDAK MENGHALANG MEDIA MASSA DARIPADA MEMBUAT SPEKULASI MENGENAI KEMUNGKINAN DIADAKAN PILIHAN RAYA UMUM ITU.

+TOLONGLAH SIARKAN KENYATAAN MENGATAKAN KITA AKAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM TIDAK LAMA LAGI SUPAYA PIHAK PEMBANGKANG AKAN MEMBELANJAKAN WANG DAN MENGHABISKAN MASA UNTUK BERKEMPEN,+ KATANYA SECARA BERSELOROH. -- BERNAMA

1931MST 08 06 89